

**KENALI AKTA 174**  
**BAHAGIAN IV TATATERTIB LALULINTAS JALAN**

1. Apakah yang dimaksudkan sebagai Notis Denda.

Notis denda adalah termasuk dalam hukuman secara terus yang dikenakan ke atas kesalahan - kesalahan yang tidak memerlukan perbicaraan tatatertib.

Sebagaimana pekeliling dari Sektor Pengurusan Politeknik KPT.JPKK.603-1/2/1 (14) bertajuk Edaran Perintah Kaedah - Kaedah Institusi Pelajaran (Tatatertib Pelajar - Pelajar) (Pindaan 2007) dinyatakan dengan jelas bahawa:

1. (1) Perintah ini boleh dinamakan Perintah-perintah kaedah-Kaedah Institusi Pelajaran (Tatatertib Pelajar-pelajar) (Pindaan 2009)  
(2) Perintah ini berkuatkuasa 1 Januari 2009

Sebagaimana yang telah termaktub di dalam Akta 174, berikut adalah beberapa perkara yang perlu diambil perhatian oleh pelajar yang ingin membawa kenderaan ke dalam kampus.

Bilangan 35.

- (1) Seseorang pelajar yang bercadang hendak menyimpan, memiliki atau mempunyai apa-apa kereta motor di dalam kampus hendaklah, pertamanya memohon kepada pegawai hal ehwal pelajar dan mendapatkan daripadanya suatu kebenaran bertulis berkenaan dengannya; permohonan dan kebenaran bertulis itu hendaklah dalam borang sebagaimana yang ditetapkan oleh pegawai hal ehwal pelajar, tertakluk kepada perenggan (2).
- (2) Permohonan untuk kebenaran itu hendaklah dibuat oleh pelajar itu secara bertulis menyatakan perihal kereta motor itu dan hendaklah disertai dengan lesen kereta motor itu berkuatkuasa pada masa itu berkenaan dengan kereta motor itu dan suatu lesen memandu yang

sah berkenaan dengan permohonan itu; pemohon itu hendaklah juga menyatakan apa-apa kesalahan tata tertib yang ia telah didapati bersalah atasnya pada bila-bila masa.

(3) Kebenaran bertulis pegawai hal ehwal pelajar itu hendaklah diberikan dalam borang sebagaimana yang diarahkannya dan hendaklah sentiasa ditunjukkan dengan mudah dilihat pada kereta motor itu.

(4) Kebenaran bertulis itu hendaklah dibaharui pada tiap-tiap tahun dan peruntukan-peruntukan perenggan (1) dan (2) hendaklah dipakai *mutatis mutandis* bagi permohonan untuk memperbaharui kebenaran bertulis itu.

(5) Pegawai hal ehwal pelajar boleh enggan memberi kebenaran di bawah kaedah ini atau boleh membatalkan apa-apa kebenaran yang telah diberi di bawah kaedah ini jika ia berpuashati bahawa adalah berlawanan dengan kepentingan institusi bagi pelajar itu memang berkenaan.

#### Bilangan 37.

Tiada seseorang pelajar boleh memandu sesebuah kereta motor dalam kampus selaju lebih daripada yang ditunjukkan oleh sesuatu tanda lalulintas.

#### Bilangan 38.

Tiada seseorang pelajar boleh memandu sesebuah kereta motor di mana-mana tempat melainkan di bahagian jalan yang digunakan sebagai jalanlalu bagi kereta-kereta motor; khususnya tiada sesebuah kereta motor boleh dipandu oleh seseorang pelajar di atas siarkaki berturap, bahu jalan, tepi rumput, lorong kaki atau lain-lain tempat, sama ada di sisi jalanlalu bagi kereta-kereta motor atau selainnya, yang biasanya tidak dimaksudkan atau tidak disediakan khas untuk jalanlalu bagi kereta-kereta motor.

#### Bilangan 39.

Tiada seseorang pelajar boleh memandu atau manunggang sesuatu kereta di atas koridor, beranda, kakilima, halaman berkepong atau dalam mana-mana bahagian daripada mana-mana bangunan.

Bilangan 40.

Tiada seseorang pelajar boleh meletak apa-apa kereta di mana-mana tempat atau dengan apa-apa cara yang menyebabkan bahaya, halangan atau kesusahan kepada mana-mana orang atau kereta lain.

Bilangan 41.

Jika sesuatu ruang letak kereta diintukkan bagi sesuatu kereta motor tertentu, tiada seseorang pelajar boleh meletak sesuatu kereta motor yang lain di dalam ruang letak kereta itu.

Bilangan 42.

- (1) Seseorang pelajar yang memandu sesuatu motorsikal beroda dua tidak boleh membawa lebih daripada satu orang di atas motorsikal.
- (2) Tiada seseorang pelajar boleh membawa seseorang di atas sesuatu motorsikal beroda dua melainkan jika orang itu duduk tercelapak di belakang pemandu itu atau suatu tempat duduk yang direkabentuk dengan sempurna yang dipasang kepada motorsikal itu dengan kukuh.
- (3) Seseorang pelajar tidak boleh membenarkan dirinya dibawa di atas sesuatu motorsikal beroda dua oleh seseorang, sama ada orang itu pelajar atau bukan, bersalah dengan perenggan (1) dan (2).

Bilangan 43.

Seseorang pelajar hendaklah mematuhi semua arahan lalulintas dan semua tanda lalulintas.

Bilangan 44.

Mana-mana pelajar yang memandu atau menjaga atau mengawal sesuatu kereta hendaklah membawa bersamanya suatu lesen memandu yang masih sah yang dikeluarkan kepadanya di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*] dan juga kad pelajarnya dan hendaklah mengemukakannya untuk diperiksa oleh seseorang berkuasa apabila juga dikehendaki berbuat demikian.

Bilangan 45.

Seseorang pelajar tidak boleh berkelakuan dengan apa-apa cara atau melakukan apa-apa perbuatan yang menghalang atau mengganggu pergerakan lalulintas yang licin dan teratur di dalam kampus.

Bilangan 47.

- (1) Pihak berkuasa tatatertib boleh, menurut budi bicaranya sebagai ganti mengambil tindakan tatatertib di bawah bahagian V, mengenakan hukuman tatatertib terus, iaitu amaran atau denda tidak lebih daripada satu ratus ringgit ke atas mana-mana pelajar yang melakukan suatu kesalahan tatatertib di bawah Bahagian ini di hadapan atau dalam penglihatan pihak berkuasa tatatertib itu;
- (2) Setelah mengenakan hukuman yang tersebut dalam perenggan 1, pihak berkuasa tatatertib hendaklah, dengan serta merta menyerahkan kepada pelajar suatu Notis bertulis mengenai hukuman yang dikenakan itu dalam suatu borang mengikut sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai hal Ehwal Pelajar, dan jika hukuman itu ialah denda, peruntukan kaedah kaedah 63 dan 64 hendaklah terpakai.
- (3) Peruntukan-peruntukan kaedah itu hendaklah dipakai walau apapun peruntukan lain yang berlawanan dengannya dalam kaedah-kaedah ini.

Apakah yang dimaksudkan dengan kaedah 63 dan 64?

Kaedah 63: jika pihak berkuasa tatatertib mengenakan hukuman denda ke atas pelajar, pihak berkuasa hendaklah menyatakan tempoh denda itu dikehendaki dibayar dan pelajar pelajar itu hendaklah membayar denda itu kepada Bursar.

contoh: kalau pelajar anda dikenakan hukuman itu, pelajar anda hendaklah membayarnya di Unit Kewangan Politeknik.

Kaedah 64: Jika pelajar itu tidak membayar denda dalam tempoh yang ditentukan di bawah kaedah 61, ia hendaklah selepas sahaja daripada itu digantung daripada menjadi pelajar institusi dan tidak boleh selepas itu berada atau memasuki kampus, pengantungan itu haruslah berterusan sehinggalah denda itu dibayar.

2. Apakah pelajar berpeluang membuat rayuan bagi denda tersebut?

Ya, pelajar boleh membuat rayuan bagi mengurangkan denda tersebut dengan berjumpa Pegawai hal Ehwal Pelajar di Jabatan Hal Ehwal Pelajar dalam tempoh masa 7 hari bekerja dari tarikh anda didenda dan anda mesti membayar denda tersebut dalam tempoh masa 14 hari bekerja dari tarikh anda didenda.

3. Dimana pelajar perlu menjelaskan denda tersebut?

Pelajar boleh menyelesaikan denda anda di kaunter Unit Kewangan Politeknik dan mendapatkan resit rasmi pembayaran (resit tersebut hendaklah disimpan sebagai rujukan pelajar anda bila diperlukan). Pelajar anda juga dinasihatkan berjumpa dengan pegawai di JHEP bagi menyerahkan no rujukan atau no resit rasmi sebagai bukti pembayaran.

4. Apa akan berlaku jika pelajar anda tidak membayar denda?

Kegagalan pelajar anda membayar denda akan menyebabkan pelajar anda digantung pengajian sebagaimana peruntukkan dalam AKTA 174 kaedah 64.

Ruslan Abdul Jalil  
Pegawai Disiplin Politeknik  
Politeknik Merlimau